

**GARIS PANDUAN BAHARU PERMOHONAN LESEN IMPORT (AP)
BAGI KENDERAAN KLASIK DAN VINTAJ**

BIL.	KRITERIA	KETETAPAN DAN SYARAT
1.	Jenis Kenderaan	• Kereta Penumpang dan Motosikal.
2.	Had Usia Kenderaan	• Terdapat dua Kategori: i. Kenderaan Klasik: berusia 35 tahun dan ke atas; dan ii. Kenderaan Vintaj: berusia 50 tahun dan ke atas. • Bagi kedua-dua kategori, penentuan usia kenderaan adalah berdasarkan Tahun Asal Diperbuat.
3.	Keadaan Kenderaan	• Kenderaan hendaklah dalam keadaan baik dan telah dibaik pulih kepada spesifikasi kilang asal. • Kenderaan replika atau rebuilt adalah tidak dibenarkan.
4.	Sijil Pengiktirafan Berstatus Klasik dan Vintaj	• Kenderaan hendaklah memiliki sijil pengiktirafan berstatus klasik dan vintaj daripada pihak berkuasa/bertauliah yang diiktiraf di negara asal pengeluar/negara yang mengeksport. Salinan sijil ini perlu disertakan semasa membuat permohonan AP.

		• Pemohon juga perlu menyertakan sesalinan <i>Certificate of Origin</i> atau <i>Certificate of Registration</i>. • Bagi kedua-dua dokumen di atas, satu versi terjemahan hendaklah disertakan jika bahasa yang digunakan dalam dokumen asal adalah selain daripada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
5.	Kelayakan Pemohon	• Bagi individu: i. Warganegara Malaysia; ii. Mempunyai Lesen Memandu yang sah sesuai dengan jenis kenderaan klasik/vintaj yang diimport; dan iii. Hanya SATU (1) AP bagi kenderaan klasik atau vintaj layak untuk setiap individu. • Bagi syarikat: i. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai syarikat Sendirian Berhad; dan ii. Mempunyai pengalaman minimum dua (2) tahun dan sedang beroperasi dalam apa-apa bidang perniagaan.
6.	Pendaftaran Kenderaan	• Syarikat hendaklah mengemukakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan Lesen Import (AP).

7.	Sekatan Hak Milik	• Kenderaan yang diimport hendaklah didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia dan kenderaan ini tidak boleh dipindah milik dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pendaftaran pertama di JPJ.
----	--------------------------	---

Nota: Lesen Import (AP) yang diluluskan oleh MITI hendaklah **diperolehi terlebih dahulu sebelum kenderaan diimport ke Malaysia.**

SENARAI DOKUMEN BAGI PERMOHONAN

Sila kemukakan surat permohonan kepada Kementerian ini dan permohonan hendaklah disertakan maklumat dan dokumen seperti di bawah:

- i. Surat permohonan beserta maklumat terperinci mengenai kenderaan:
 - a. Jenama dan model;
 - b. Nombor casis;
 - c. Nombor enjin; dan
 - d. Tahun diperbuat.
- ii. Sijil Pengiktirafan Status kenderaan sebagai klasik atau vintaj.
- iii. ***Certificate of Origin* or *Certificate of Registration*.**
- iv. Gambar kenderaan sebenar.
- v. Pesanan pembelian atau invois dari penjual di negara eksport.
- vi. Bagi permohonan oleh individu, dokumen tambahan berikut hendaklah disertakan:
 - a. Salinan kad pengenalan; dan
 - b. Salinan lesen memandu yang sah.

- vii. Bagi permohonan oleh syarikat baharu, dokumen tambahan berikut hendaklah disertakan:
- a. Sijil pendaftaran SSM sebagai Sdn. Bhd. yang disahkan; dan
 - b. Mempunyai pengalaman minimum dua (2) tahun dan sedang beroperasi dalam apa-apa bidang perniagaan.

KETIDAKPATUHAN TERHADAP GARIS PANDUAN

Mana-mana permohonan yang tidak memenuhi kriteria dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Garis Panduan Baharu ini akan **ditolak**.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

1 Oktober 2024